

25 FEB 2004

PPP-Pilihan Raya (Analisis Berita)/I

KEKELIRUAN SELUBUNGI PPP BERHUBUNG KERUSI SEBELUM PILIHAN RAYA

Oleh: S.Retnanathan

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Spekulasi dalam laporan media dan

khobar angin yang tersebar luas telah menyebabkan persiapan pilihan raya

Parti Progresif Penduduk (PPP) menjadi kelim-kabut dan mengakibatkan timbul

kekeliruan di kalangan anggota parti dan mengendurkan semangat mereka.

Parti itu, yang sejak dua tahun lepas telah membuat persediaan rapi

bagi menghadapi pilihan raya umum, kini seolah-olah hilang punca, terutamanya selepas timbul khobar angin bahawa ia tidak akan diberikan

kerusi Parlimen di bawah tiket Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum

ke-11 akan datang.

"Terdapat khobar angin yang menyatakan kami hanya akan mendapat kerusi

Dewan Undangan Negeri di Perak. Ini tidak adil kepada parti dan anggotanya.

Kami telah berbuat banyak untuk BN sejak 10 tahun lepas. Kami telah membina

diri kami sendiri walaupun tidak mempunyai sebarang kerusi sejak 1990,"

kata seorang ketua perhubungan negeri PPP, yang enggan namanya disiarkan.

PPP yang ditubuhkan di Perak merupakan parti yang begitu kuat pada satu

masa dahulu dan hanya kurang satu kerusi untuk membentuk Kerajaan Negeri

Perak selepas pilihan raya umum 1969.

Parti itu menyertai BN pada 1973 dengan menguasai lapan kerusi Parlimen

dan 18 kerusi Dewan Undangan Negeri tetapi tewas teruk pada pilihan raya

umum 1974 apabila hanya berjaya memenangi satu kerusi Parlimen dan dua

kerusi Dewan Undangan Negeri.

Kejatuhan parti itu adalah disebabkan pergaduhan di kalangan pemimpinnya dan pada pilihan raya umum 1990, BN, yang menyedari pergolakan

dalam yang dihadapi PPP akan menjejaskan gabungan itu, tidak menawarkan

sebarang kerusi untuk ditandingi parti itu.

Pada 1993, peguam (kini Senator Datuk) M. Kayveas menjadi presiden

parti yang ketika itu sedang dilanda beberapa kontroversi dan mula membina semula parti itu dan kini ia boleh berbangga dengan 380,000 anggota di 110 bahagian. Kayveas dilantik sebagai Senator dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 2001.

Presiden PPP itu, kini Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sejak 24 bulan lepas telah berulang kali meminta anggota PPP supaya bersabar dan pada masa yang sama beliau meminta pucuk pimpinan BN memberikan beberapa kerusi kepada PPP pada pilihan raya umum akan datang.

Anggota parti itu menaruh harapan tinggi bahawa PPP akan diberikan "beberapa kerusi" pada pilihan raya kali ini tetapi desas desus terkini, datangnya dari Perak, dan satu laporan berita telah meranapkan harapan mereka itu.

Pada Isnin, kira-kira 200 anggota parti "menyerbu" mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan BN Negeri Pulau Pinang di Bukit Jambul Golf and Country Club dan mendesak Ketua Menteri Tan Sri Koh Tsu Koon menjelaskan khabar angin itu.

Mereka kecewa dengan satu artikel dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris pada Khamis lepas yang memetik sumber sebagai berkata PPP tidak akan diberikan sebarang kerusi pada pilihan raya umum akan datang, yang dijangka akan diadakan bila-bila masa sekarang.

Kayveas, ketika dihubungi Bernama, enggan mengesahkan ketepatan laporan berita itu tetapi mengaku beliau telah mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Setiausaha Agung BN Tan Sri Khalil Yaakob berhubung pengagihan kerusi.

"Anggota PPP agak keliru dan marah selepas khabar angin itu. Apa yang saya boleh beritahu mereka ialah serahkan kepada pucuk pimpinan BN untuk membuat keputusan berhubung perkara itu. Kita akan ambil alih selepas itu," katanya.

Ketika ditanya lebih lanjut, Kayveas berkata beliau tidak diberitahu oleh pucuk pimpinan BN bahawa PPP akan diberikan kerusi pada pilihan raya

atau sebarang petanda yang parti itu akan terus dengan tangan kosong pada kali ini.

Beliau berkata parti itu selama ini setia dan ikhlas dengan BN dan sudah tiba masanya parti gabungan pemerintah itu "menghadiahi" PPP dan anggotanya dengan memberikan kerusi.

"Bertenang, kita tunggu dan lihat," nasihat Kayveas kepada anggotanya, yang begitu resah dengan keadaan yang dihadapi PPP sekarang.

-- BERNAMA

SR AHH RHM